



05 JUL, 2025

## Penyertaan Malaysia di Fine Food New Zealand 2025 perkukuh akses pasaran ke rantau Oceania

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# Penyertaan Malaysia di Fine Food New Zealand 2025 perkukuh akses pasaran ke rantau Oceania

**MIRI:** Malaysia terus mengorak langkah dalam mengekalkan akses pasaran antarabangsa apabila lapan syarikat tempatan dipilih untuk menyertai Fine Food New Zealand 2025.

Ia merupakan pameran perdagangan makanan dua tahunan terbesar di rantau Oceania yang berlangsung di Auckland, New Zealand bermula 29 Jun hingga 1 Julai lalu.

Berkongsi pengalaman, Pengarah Urusan IANA Corporation Sdn Bhd Mohd Hafidz Rohani memberitahu, penyertaan Malaysia di pameran itu membuka peluang kerjasama baru dengan pengimpor dan pengedar tempatan, khususnya bagi produk berasaskan kesihatan dan inovasi makanan.

IANA Corporation Sdn Bhd merupakan wakil tunggal dari Sarawak yang mempromosikan biskut bebas gluten berasaskan tepung sagu hasil



**TERBAIK:** (Dari enam kanan) Salbiah, Mazita dan Abdul Rashid bergambar dengan para peserta termasuk Hafidz (belakang dua kanan).

formulasi bersama CRAUN Research Sdn Bhd.

Hafidz yang juga Pengerusi Dewan Usahawan Bumi-putera Sarawak (DUBS) Miri berkata, peserta pameran itu mewakili pelbagai segmen industri makanan negara termasuk durian, produk hilir nanas, sambal sedia dimakan

(RTE), minuman dalam tin, produk kesihatan, hasil perikanan serta makanan bebas gluten.

Kesemua peserta adalah sebahagian daripada delegasi Malaysia di bawah Pavilion Malaysia anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Oceania, dengan populasi melebihi 50 juta orang, termasuk komuniti ASEAN yang besar, menawarkan potensi besar untuk syarikat Malaysia bertapak secara kukuh di rantau itu.

Perkara itu dijelaskan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand Mazita Marzuki kepada peserta dalam ucapan perasmian Pavilion Malaysia di pameran itu.

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New Zealand (MNZFTA) yang telah dimerlakukan sejak 2010 memudahkan kemasukan produk Malaysia ke pasaran tersebut.

Majlis perasmian turut dihadiri Ketua Pengarah FAMA Abdul Rashid Bahri dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Usahawan dan Koperasi Negeri Perak Datuk Salbiah Mohamed.

Hafidz menambah, penyertaan mereka merupakan bukti komitmen berterusan agensi dan pemain industri dalam memperluas capaian produk Malaysia ke pasaran antarabangsa melalui pameran perdagangan berimpak tinggi.



05 JUL, 2025

## Penyertaan Malaysia di Fine Food New Zealand 2025 perkukuh akses pasaran ke rantau Oceania

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

MIRI: Malaysia terus mengorak langkah dalam meneroka pasaran antarabangsa apabila lapan syarikat tempatan dipilih untuk menyertai Fine Food New Zealand 2025. Ia merupakan pameran perdagangan makanan dua tahunan terbesar di rantau Oceania yang berlangsung di Auckland, New Zealand bermula 29 Jun hingga 1 Julai lalu.